

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: SEMPENA TAHUN BARU 1999

TEMPAT :<big> </big>RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA (RTM)

TARIKH&nbsp;: 31 DEC 1998

MASA:

1. Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dapat kita bertemu sekali lagi menjelang tahun baru 1999. Masa berjalan begitu pantas sekali dan esok kita akan memasuki tahun baru yang sudah tentu menunggu kita dengan pelbagai peristiwa baru. Walaupun begitu cepat waktu berlalu, pelbagai peristiwa suka dan duka telah melanda negara kita tahun ini dan ia dilalui oleh semua rakyat jelata. Sejak negara merdeka 41 tahun lalu, tahun inilah tahun yang paling mencabar bagi kita semua, baik rakyat mahupun negara.
2. Negara kita telah diuji dengan rentetan peristiwa suka dan duka. Jika tidak kerana kekuatan yang ada di dalam diri kita yang telah kita pupuk sekian lama sudah tentu kita tidak dapat menghadapi cabaran dan dugaan sepanjang tempoh tahun 1998. Kita mungkin telah lama jatuh tersungkur dalam tahun ini. Tetapi alhamdulillah rakyat dan negara kita berjaya mengharungi cabaran-cabaran itu dengan hati yang penuh tabah dan semangat yang kental.
3. Krisis ekonomi yang melanda negara kita sejak tahun lalu masih lagi berterusan. Spekulator pedagang mata wang masih dapat bergerak secara berleluasa tanpa sebarang kawalan. Dunia masih belum dapat menerima hakikat bahawa betapa kawalan atau peraturan perlu dikenakan di dalam dagangan matawang. Kerana itu pedagang matawang masih bebas menyerang mana-mana matawang yang tidak dikawal untuk mendapat keuntungan yang besar daripada kesengsaraan rakyat negara-negara berkenaan.
4. Tetapi berkat langkah dan tindakan positif yang diambil Kerajaan terutamanya mengadakan kawalan matawang, keadaan kegawatan ekonomi di negara kita semakin reda dan beransur pulih. Ekonomi negara kita sekarang mulai stabil setelah diserang dengan teruk oleh pedagang matawang asing tahun lalu. Tindakan-tindakan memulihkan ekonomi yang dipelopori oleh Kerajaan kita tanpa bantuan asing terutama melalui Majlis Tindakan Ekonomi Negara telah berjaya menunjukkan kesan-kesan positif. Banyak aktiviti ekonomi seperti pembinaan, perniagaan kenderaan dan perumahan kembali aktif dan berkembang semula. Peluang-peluang pekerjaan mulai semakin banyak. Inilah salah satu cabaran besar yang berjaya kita hadapi.
5. Tahun ini juga negara kita berjaya menganjurkan Sukan Komanwel yang ke-16, sukan paling besar selepas Olimpik. Kejayaan kita menganjurkannya telah menjulang nama baik dan maruah kita sebagai rakyat sebuah negara membangun

yang jika diberi apa peluang pun akan berjaya melaksanakan tanggungjawabnya dengan penuh yakin dan berkesan. Kejayaan kita ini telah menjadi ukuran kepada penganjuran Sukan Komanwel yang akan datang.

6. Selepas Sukom kita menghadapi cabaran untuk mengadakan persidangan ekonomi bagi rantau Asia-Pasifik atau APEC. Persidangan yang paling besar di rantau ini juga berjaya dianjurkan oleh negara kita sebagai tuanrumah dengan baik dan sempurna. Sekali lagi rakyat negara kita membuktikan kebolehan mereka menganjurkan satu peristiwa besar tanpa cacat cela. Syabas saya ucapkan.

7. Bagaimanapun kegembiraan kita hampir sepanjang tahun itu tidak berlalu begitu sahaja. Sebahagian ibunegara kita tiba-tiba menjadi medan rusuhan setiap minggu oleh sekelompok puak tertentu yang cuba menegakkan pendirian mereka secara kekerasan. Tanpa diduga, Kerajaan kita, sebuah Kerajaan pilihan rakyat, telah dicabar oleh segelintir puak itu supaya dijatuhkan secara yang tidak demokratik.

8. Bagaimanapun, kita berasa amat bersyukur kerana dalam tempoh yang singkat mereka yang terlibat itu sudah mulai sedar bahawa bertindak secara kekerasan sebenarnya tidak menguntungkan sesiapa malah lebih merugikan rakyat dan negara. Peristiwa-peristiwa sedih dan ngeri yang berlaku di sekeliling negara kita juga telah menimbulkan kesedaran dan pengajaran kepada kita untuk tidak bertindak di luar batasan undang-undang dalam cubaan menyatakan pendirian atau menegakkan perjuangan masing-masing.

9. Negara kita sebenarnya memang ada menyediakan pelbagai ruang atau tempat atau wadah untuk menyuarakan pendapat atau meluahkan perasaan. Dari peti undi, mesyuarat persatuan, kegiatan NGO, kepada televisyen, akhbar-akhbar termasuk akhbar-akhbar parti pembangkang, parti-parti politik, wakil-wakil rakyat dan hinggalah ke medan parlimen, setiap rakyat jelata berpeluang menyuarakan pandangan mereka kepada sesiapa termasuk Kerajaan. Inilah amalan kita selama ini.

10. Adalah tidak tepat untuk sesiapa menuduh bahawa negara kita tidak memberi sebarang hak kepada mana-mana rakyatnya untuk menyuarakan pendapat mereka. Malah ada akhbar-akhbar asing yang bukan milik rakyat negara ini pun bebas menulis mengenai negara kita dicetak di Kuala Lumpur. Terdapat juga akhbar tempatan yang tidak pernah ketinggalan mengkritik parti pemerintah dalam setiap keluarannya.

11. Yang mungkin menjadi rungutan dalam soal hak kebebasan bersuara ini ialah samada suara mereka itu disokong ramai atau tidak. Pendapat mereka itu mungkin pendapat minoriti dan bukannya majoriti. Sebab itu

timbul rasa tidak puas hati apabila pendapat mereka tidak mendapat tempat dalam masyarakat. Lalu dituduh parti pemerintah tidak adil. Padahal suara mereka sudahpun didengari oleh rakyat tetapi ia tidak mendapat sambutan meluas.

12. Inilah yang perlu difahami oleh setiap phak terlebih dahulu sebelum boleh ia menuduh Kerajaan tidak berlaku adil kepadanya. Dalam amalan sistem pemerintahan demokrasi di negara kita suara ramai atau majoriti adalah lebih utama walaupun suara minoriti tidak diketepikan sama sekali.

13. Sebenarnya negara kita terlalu bebas. Kebebasannya lebih hebat berbanding di tempat-tempat lain termasuk di sesetengah negara maju yang mengenakan kawalan yang lebih ketat terhadap rakyat mereka terutama dalam kebebasan bersuara, kebebasan berakhbar, kebebasan berhimpun, kebebasan perundangan dan kebebasan berpolitik.

14. Kebebasan yang terdapat di negara kita memberi ruang yang luas untuk mana-mana individu atau kumpulan untuk bersuara atau bertindak. Hanya jika mereka menyalahgunakan hak mereka atau melanggar peraturan atau undang-undang negara barulah sekatan dikenakan ke atas mereka. Selain daripada itu mereka adalah bebas bersuara dan bergerak ke mana-mana seperti yang kita lihat sekarang.

15. Jika mereka tidak berpuashati mengenai apa-apa perkara samada yang melibatkan Kerajaan ataupun yang bersangkutan hal peribadi, mereka berpeluang menggunakan pelbagai saluran yang disediakan oleh Kerajaan untuk menegakkan hak mereka termasuk melalui mahkamah. Sistem perundangan negara kita sudah terbukti tidak menyebelahi mana-mana pihak termasuk Kerajaan dalam membuat apa-apa keadilan. Mereka sentiasa bersikap adil dan saksama. Ini sudah dibuktikan jika kita mengkaji sejarah kehakiman negara.

16. Jika kita tidak berpuashati tentang sesuatu perkara terutama terhadap Kerajaan tidak perlulah kita bertindak di luar tatasusila dan budaya kita sebagai orang timur. Mengenenipkan nilai-nilai murni budaya timur kita seperti kesopanan, hormat menghormati, semangat bermesyuarah dan saling kerjasama tidak akan membantu sesiapa mencari penyelesaian ke atas sebarang masalah.

17. Kerajaan kecewa melihat beberapa peristiwa yang berlaku baru-baru ini menunjukkan tindakan sekelompok masyarakat kita yang di luar batasan orang timur. Tindakan-tindakan yang mereka lakukan seperti perbuatan merusuh, merosakkan harta benda, mencederakan orangramai, memaki hamun dan menconteng dinding tempat-tempat awam dengan kata-kata nista adalah amalan-amalan orang Barat. Budaya buruk ini sudah mula menular dalam

masyarakat orang timur kerana mereka terpengaruh hasutan orang luar bahawa itu adalah satu amalan demokrasi.

18. Bangsa kita terlalu tinggi darjatnya untuk melakukan perbuatan-perbuatan buruk tadi. Bangsa kita terlalu matang untuk bertindak memburukkan bangsa sendiri. Kecualilah jika seseorang itu memang sudah dihasut atau dipengaruhi untuk melakukan sesuatu yang buruk untuk kepentingan pihak-pihak tertentu.

19. Pengalaman kita menunjukkan kejayaan sesuatu usaha itu akan mudah tercapai jika ia dilakukan dengan penuh tertib dan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Tanpa ketertiban atau disiplin yang tinggi apa pun usaha yang dilakukan oleh kita tidak akan mencapai keputusan yang baik. Masyarakat yang tanpa disiplin atau tiada sebarang peraturan sudah pasti akan hidup porak-peranda. Kekacauan pasti berlaku kerana ada pihak yang akan sentiasa berusaha untuk menunjukkan kekuatan mereka dalam masyarakat sedemikian.

19. Negara kita sudah merdeka selama 41 tahun. Ia juga telah dibangunkan dengan pesat atas dasar kekuatan, komitmen dan kerajinan yang ditunjukkan oleh rakyat kita sendiri selama ini. Rakyat telah bersama-sama Kerajaan membawa pelbagai jenis pembangunan dan kemajuan yang diinginkan. Hasil daripada gandingan bahu rakyat dan Kerajaan ini sekarang setiap daripada kita sedikit sebanyak sudah dapat menikmati faedah pembangunan dan kemakmuran negara.

20. Dasar-dasar pembangunan negara termasuk Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Negara telah banyak memberikan keadilan kepada rakyat kita pelbagai kaum menikmati kemakmuran dan kekayaan negara. Samada secara langsung atau tidak langsung setiap rakyat sekurang-kurangnya telah mendapat habuan masing-masing. Masing-masing berpeluang merebut kekayaan negara secara adil dan samarata. Bagaimanapun, mereka yang lebih berusaha akan mendapat lebih habuannya.

21. Kita sebenarnya masih jauh dari ambang kejayaan. Perjalanan kita menuju wawasan 2020 masih panjang dan terlalu sukar. Kita masih perlu berusaha lebih gigih lagi malah kita hendaklah berusaha berlipat ganda lagi untuk menjayakan cita-cita besar kita ini. Kita perlu berkerja lebih kuat kerana kedudukan kita sudah tidak seperti dahulu setelah kita ketinggalan akibat angkara krisis matawang dan kegawatan ekonomi. Kedudukan ekonomi kita tidak lagi seteguh dahulu iaitu sebelum ekonomi kita diserang oleh pedagang-pedagang matawang.

22. Pengalaman yang kita lalui sepanjang tahun ini membuktikan kita masih lemah dalam menghadapi cabaran dan ancaman dari luar negara dan menangani perkara-perkara yang di luar kawalan kita. Kita telah lihat bagaimana orang luar secara terang-terangan ingin

mencampuri hal ehwal urusan dalam negara kita atas hak asasi manusia, keadilan undang-undang dan dasar demokrasi mengikut acuan mereka.

23. Kita melihat bagaimana kedaulatan dan kemerdekaan rakyat dan negara kita diperkotak-katikan oleh orang luar. Mereka mencampuri urusan politik negara kita. Mereka mencampuri dalam urusan perundangan negara kita. Dan mereka mencampuri urusan pemulihan ekonomi negara kita.

24. Peristiwa-peristiwa ini menunjukkan betapa kuasa-kuasa asing ini mempunyai niat buruk untuk memusnah dan menguasai negara-negara yang cuba bangun daripada kemiskinan dan kemunduran untuk maju setanding dengan mereka. Mereka ingin melihat negara kita lemah dan porak peranda supaya cita-cita wawasan 2020 kita menemui kegagalan. Mereka tidak mahu melihat kita kelak bersaing dan mencabar kedudukan mereka dalam dunia ekonomi dan politik antarabangsa yang mereka kuasai atau monopoli selama ini.

25. Kita melihat bagaimana mudahnya mereka cuba menentukan hala tuju negara kita. Mereka tanpa segenap silu ingin mencorakkan kepimpinan negara kita supaya mudah mengikut jari telunjuk mereka. Mereka dengan sombongnya mengecam langkah-langkah pemulihan ekonomi kita terutama dalam pasaran matawang dan pasaran saham kita kerana kononnya ia menyekat kebebasan mereka untuk berdagang di negara kita.

26. Jadi di manakah letaknya kemerdekaan rakyat dan negara kita jika kita tunduk kepada semua kehendak mereka? Di manakah kedaulatan kita jika nasib hidup kita ditentukan oleh orang asing? Di manakah hendak diletakkan maruah bangsa, negara dan agama kita jika kita terus dipermainkan dan dihina sesuka hati mereka? Adalah jelas sekali peristiwa akhir-akhir ini yang menimpa negara kita menunjukkan mereka benar-benar ingin menjajah semula rakyat dan negara kita.

27. Inilah yang harus diawasi oleh rakyat kita jika kita tidak mahu dijajah semula oleh orang asing. Rakyat di segenap lapisan harus sentiasa berwaspada terhadap musuh-musuh negara yang akan cuba memperalatkan mereka untuk kepentingan kuasa asing. Mungkin dalam usaha untuk menegakkan perjuangan yang baik kita telah dialatkan oleh kuasa asing tanpa kita menyedarinya.

28. Alangkah malangnya nasib bangsa dan negara kita jika fikiran dan jasad kita dijajah semula oleh orang asing melalui tekanan-tekanan sosial, ekonomi dan politik ini. Penguasaan terhadap kita secara halus dan licik oleh kuasa asing ini harus kita sedari dan insafi. Kita tidak mahu lagi bangsa dan negara kita dijajahi semula oleh kuasa-kuasa asing seperti yang ibubapa dan nenek moyang kita lalui sebelum 1957.

29. Cukuplah dengan penderitaan dan kesengsaraan kehidupan yang dilalui oleh mereka. Sanggupkah kita melihat pula anak cucu kita melalui kehidupan seperti itu? Sudah tentu kita tidak mahu ianya menjadi kenyataan.

30. Sempena menyambut tahun baru 1999 ini saya berdoa agar rakyat terus berdisiplin dan tabah hati dalam menghadapi cabaran dan dugaan dalam tahun-tahun akan datang ini hinggalah menjelang ke alaf baru. Kita mesti kuatkan tekad dan semangat serta bersatu padu dalam menghadapi sebarang tekanan atau ancaman terhadap bangsa dan negara kita di masa depan. Tanda-tanda ekonomi negara kita semakin pulih sudahpun kelihatan dan saya berharap kedudukan kita pada tahun depan akan menjadi lebih baik agar rakyat terus dapat hidup aman, bahagia dan makmur.

31. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya tidak lupa untuk mengucapkan berbanyak terima kasih kepada seluruh anggota pasukan keselamatan kita terutama polis dan tentera yang telah berkorban dan terus menunjukkan ketaatsetiaan yang tidak berbelah-bahagi dalam menjalankan tugas menjaga keselamatan rakyat dan keamanan negara. Jasa mereka semua akan tetap dikenang dan dihargai oleh rakyat dan Kerajaan. Kepada seluruh kakitangan awam saya juga mengucapkan syabas kerana mereka telah melaksanakan tugas masing-masing dengan penuh amanah, tanggungjawab dan cemerlang. Kecemerlangan ini hendaklah diteruskan lagi pada tahun hadapan dan tahun-tahun akan datang.

Terima kasih dan Selamat Menyambut Tahun Baru.